

Beri penerangan kaedah hukuman sebat dalam Islam

Penangkapan 'pelacur otai' yang dijatuhkan hukuman sebat oleh Mahkamah Syariah Terengganu kerana menawarkan khidmat seks menerusi aplikasi Wechat, baru-baru ini mencetuskan kerisauan dalam masyarakat.

Sebelum itu di negeri yang sama, ada kes penangkapan pertama membabitkan pasangan hubungan sejenis lesbian yang kemudian dijatuhkan hukuman sebat sehingga mencetuskan kontroversi.

Penulis melihat hukuman berkenaan wajar dilaksanakan dengan pelaksanaannya haruslah selari mengikut garis panduan ditetapkan dalam Islam sendiri.

Pada hakikatnya, hukuman sebat bukanlah bertujuan menyiksa tetapi lebih bersifat mendidik dan memberi pengajaran kepada masyarakat tentang kesalahan jenayah yang dilakukan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa, turut menjelaskan bahawa hukuman sebatan dalam Islam bukan

bertujuan menyakitkan, sebaliknya memberi pengajaran kepada masyarakat supaya kembali kepada fitrah manusia.

Beri pendedahan hukuman sebatan

Masyarakat seharusnya diberikan pendedahan mengenai hukuman sebatan dalam Islam memandangkan mereka pada hari ini diibaratkan seperti kain putih kosong yang perlu dicorakkan.

Pelaksanaan hukum Islam dan Maqasid Syariah seharusnya menjadi pendekatan awal bagi mencorak dan membentuk masyarakat ke arah pegangan Islam yang lebih utuh.

Pun begitu, masih ada beranggapan hukuman yang dikenakan memberi imej buruk kepada Islam. Lantaran itu, penjelasan mengenai pelaksanaan hukuman sebatan perlu bagi menolak sebarang spekulasi yang mengelirukan masyarakat mengenainya.

Hukuman sebat yang dijalankan di negara ini adalah mengikut sya-

riah dengan memastikan pesalah berpakaian menutup aurat dan diperiksa oleh pegawai perubatan kerajaan terlebih dahulu untuk memastikan kesihatan sebelum hukuman dilaksanakan terhadapnya.

Sebatan menggunakan alat sebatan dilakukan dengan kekuatan secara sederhana tanpa mengangakat tangan melebihi kepala supaya tidak mendatangkan kecederaan kepada kulit pesalah.

Sebatan pula hanya pada seluruh bahagian tubuh kecuali muka, kepala, perut, dada dan bahagian sulit. Semua syarat berkenaan termaktub dalam Seksyen 125 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Terengganu 2001.

Jika mengambil kira semua itu, mengapa perlu ada segelintir masyarakat Islam sendiri menolak hukuman sebat sedangkan semuanya sudah jelas dinyatakan dalam al-Quran menerusi Surah An-Nur, ayat 2 yang bermaksud, "penzina perempuan dan lelaki yang berzina hendaklah dijatuhkan huku-



Keratan akhbar BH pada 27 September 2018.

man sebat tiap-tiap seorang daripada kedua-duanya dengan 100 kali sebat."

Tuntasnya, kesepakatan dan kesedaran semua pihak untuk mengubah tanggapan hukuman sebat ini seharusnya bermula dengan penerangan yang jelas mengenai pelaksanaan hukuman terbabit.

Kita yang memilih untuk mengubah persepsi masyarakat me-

ngenai hukuman sebat, akan tetapi kenapa kita pula yang membiarkan persepsi masyarakat mengubah status hukuman berkenaan.

Nur Iqlima Afifah Mohd Noor dan Nurul Nasirah Mohammad Isa
Universiti Sains Islam Malaysia

13 NOV 2018 (BH)